

Semua kaum punyai hak sama rebut kekayaan — PM

UM 30 MAR 2002

SAH ALAM 29 Mac — Konsep Barisan Nasional (BN) yang membela nasib semua kaum tanpa meminggirkan hak minoriti berjaya menjadikan Malaysia terus aman sehingga dunia mengakui ia formula terbaik bagi sebuah negara berbilang kaum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, BN juga berpegang kepada perkongsian kuasa dengan memberi peluang kepada penduduk minoriti melibatkan diri dalam politik dan memegang jawatan penting dalam kerajaan.

Menurutnya, semua kaum mempunyai hak yang sama untuk merebut kekayaan dan kerajaan tidak sekali-kali bertindak merampas kekayaan sesuatu kaum itu semata-mata hendak membela kaum lain.

"Melalui BN, Malaysia satu-satunya negara yang berjaya mengadakan kerjasama semua kaum hingga negara ini aman dan maju.

"Di Malaysia, kaum minoriti seperti Iban, Murut dan Bajau dapat ambil bahagian dalam politik dan tempat dalam kabinet," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen BN Selangor serta melancarkan Buletin BN Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri di Seksyen 7 di sini hari ini.

Konvensyen bertemakan 'Satu Wawasan, Satu Tekad Mencapai Kemenangan Barisan Nasional' itu dihadiri oleh kira-kira 5,000 orang.

Antara lain konvensyen itu bertujuan merapatkan hubungan ahli-ahli parti komponen dalam BN dan membentuk resolusi, idea dan formula yang boleh memanfaatkan oleh parti demi menjamin serta

memantapkan kestabilan dan kemakmuran negara.

Sebelum itu ketibaan Perdana Menteri telah diiringi oleh 700 buah motosikal yang ditunggang oleh anggota-anggota Pemuda BN Selangor.

Dr. Mahathir turut memeriksa barisan kehormat yang dianggotai oleh 400 Pemuda BN serta diserikan

lagi dengan paluan kompong, gendang India dan tarian singa.

Turut serta pada konvensyen itu ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri berkata, BN juga berjaya mewujudkan keharmonian

semua kaum dengan penduduk dapat menyambut sesuatu perayaan itu secara bersama.

"Kita adakan sambutan rumah terbuka baru-baru ini di Ipoh bagi sambutan Tahun Baru Cina dan di Johor sambutan Aidilfitri. Begitu juga dengan sambutan Krismas dan Deepavali," katanya.

Dr. Mahathir berkata, ada pihak

UM 30 MAR 2002

cuba meniru konsep RN itu dengan menubuhkan 'pakatan pembangkang' tetapi langkah tersebut tidak berjaya memenangi hati rakyat.

Beliau menambah, selepas serangan ke atas Amerika Syarikat (AS) pada 11 September tahun lalu, dunia terus mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang aman.

"Dunia melihat bagaimana sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti Malaysia ini negaranya aman dan maju," katanya.

Menurutnya, BN pada masa ini belum berhasrat mewujudkan satu parti sahaja yang membolehkan semua kaum menyertai parti berkenaan.

Jelasnya, jika keadaan itu dilakukan sekarang, kemungkinan kaum yang menjadi majoriti akan menguasai parti itu dan menenggelamkan suara minoriti.

Beliau berkata, BN menyedari pemisahan antara kaum bukan semata-mata terletak pada keturunan tetapi disebabkan perimbangan ekonomi yang wujud.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, matlamat untuk mencapaiimbangan sepenuhnya belum berjaya dan usaha perlu ditingkatkan ke arah itu, sehingga perasaan curiga dan benci antara kaum hilang sama sekali.

Justeru Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli BN menjunjung konsep gagasan itu yang telah terbukti berjaya mengekalkan keharmonian kaum dan membawa kemajuan kepada negara.